

23 NOV 1999

Mahathir-BN

KERJASAMA ERAT ANTARA PARTI KOMPONEN PENTING, KATA PM

KOTA KINABALU, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan semua anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) bekerjasama serta memberi sokongan yang padu agar BN dapat membentuk sebuah kerajaan yang utuh.

Menurut beliau, kerjasama yang rapat amat penting terutama pada pilihan raya umum kali ini kerana 153 kerusi yang dipertandingkan BN menghadapi perlawanan satu lawan satu.

" Kita boleh menang majoriti dua pertiga iaitu 128 kerusi tetapi kita nak lebih sebab kalau cuma menang simple majoriti kerajaan yang didirikan adalah lemah," katanya dalam perjumpaan bersama jentera pilihan raya negeri BN malam ini.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yang lemah tidak akan dapat membuat keputusan yang boleh membawa kebaikan kepada rakyat.

Umpamanya, usaha kerajaan mengadakan kawalan mata wang untuk memulihkan ekonomi dapat dilaksanakan kerana adanya sebuah kerajaan yang kuat, kata beliau yang juga merupakan Pengerusi BN.

Dalam perjumpaan itu, Dr Mahathir turut mengingatkan semua pihak bahawa apa yang penting sekarang ialah kejayaan parti dan bukan individu yang dicalonkan.

" Yang bertanding ialah BN...orang yang kita letak sebagai calon ialah BN," katanya.

Perdana Menteri berkata tanpa sokongan di kalangan anggota parti komponen, BN boleh kalah ataupun mendapat kemenangan yang tipis di satu-satu kawasan.

" Asalkan yang dipilih ialah calon BN, semua kita yang terdiri daripada pelbagai kaum mesti menyokong calon BN," katanya.

Di samping itu, Dr Mahathir turut menggesa semua petugas parti agar memastikan pengundi yang menyokong BN keluar mengundi pada hari pengundian.

Katanya, terdapat ramai penyokong BN yang tidak keluar mengundi kerana beranggapan bahawa BN tetap akan memperolehi kejayaan pada pilihan raya itu.

" Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk membawa keluar para pengundi serta tentukan di mana mereka mengundi dan kenderaan yang diperlukan untuk keluar mengundi," kata beliau.

-- BERNAMA

HAK PR